

Kumpul harta dgn jual songkok, tali pinggang

HAJI Yusoff Haji Mohd Noor mengumpulkan kekayaannya daripada penjualan tali pinggang dan songkok, sehingga beliau digelar Haji Yusoff 'Tali Pinggang'.

Gelaran tidak rasmi itu diberikan kepada beliau, bukan semata-mata kerana beliau merupakan peniaga pertama di sini yang menjual barang-barang tersebut, tetapi beliau memonopoli perniagaan itu, lama sebelum diambil alih oleh saudagar India.

Bermula dengan membuat dan menjual songkok dan tali pinggang, beliau telah mengembangkan perniagaannya hingga menjadi pengimport dan pengeksport bahan-bahannya, menjadikan beliau sebagai pembekal utama.

Didikan

Kedal dan setornya di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang dipenuhi dengan peti-peti yang mengandungi kain baldi yang menanti pembeli setempat dan luar negeri, termasuk Jawa dan Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia).

Beliau dilahirkan di Kandahar Street sekitar 1860 dalam keluarga peniaga.

Bapanya, Haji Mohd Noor bin Haji Ali, yang berasal dari Solo, memulakan perniagaan di Singapura secara kebetulan, semasa dalam perjalanan pulang dari Makah.

Sebagai seorang anak saudagar, Haji Yusoff mendapat didikan dan pengalaman selok-belok berniaga, tetapi perniagaan tali pinggang dan songkok yang diceburi adalah atas daya usaha

nya sendiri.

Beliau mula berniaga ketika berusia 22 tahun dari sebuah kedai kecil di 741 North Bridge Road, dan dalam tempoh beberapa tahun, perniagaannya mula bertapak dan berkembang.

Sewakan

Menurut seorang anaknya, Haji Ismail, bapanya adalah saudagar yang jimat cermat dan keuntungan yang diperolehi tidak dibelanjakan untuk perkara yang bukan-bukan, tetapi dilaburkan dengan membeli tanah dan rumah.

Rumah-rumah pertama sebanyak lima pintu telah didirikan di Kandahar Street, disusuli dengan empat pintu dan sebuah banglo di Joo Chiat, sepuluh pintu di Kallang.


Di samping itu, beliau

membeli dan kemudian menyewakan rumah di merata tempat termasuk Selegie Road, Middle Road, Serangoon Road, Arab Street dan Malabar Street.

Beliau juga mempunyai kebun getah, kelapa dan pinang di daerah Changi, kebun 40 hektar di Batu Pahat dan rumah sewa di Pulau Pinang.

Segala harta tanah tersebut telah tergedai selepas kematiannya pada 1950 ketika berusia 95 tahun, kecuali dua buah kediaman dan beberapa buah rumah sewa.

Rumah pertama di simpang North Bridge Road dan Jalan Pisang didiami oleh anaknya dari isteri pertama dan rumah kedua Gedung Kuning di 73 Sultan Gate diduduki oleh anak-anak dari isteri kedua.



● LAMBANG kekayaan Haji Yusoff dapat dilihat antaranya daripada kenderaan yang dimilikinya.